



**KETUA PENGARAH
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**
Aras 7, 8 & 9, Blok D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546, PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8870 3665
Faks : 03-8890 5540
Portal Rasmi : www.rela.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : RELA. 100-1/5/6 Jld. 7 (29)
Tarikh : **15** Februari 2023

**SEMUA PENGARAH BAHAGIAN
SEMUA PENGARAH RELA NEGERI
SEMUA KOMANDAN**

Tuan/ Puan,

**TATACARA MENYIMPAN JANGGUT, MISAI DAN JAMBANG BAGI PEGAWAI
TETAP DAN ANGGOTA JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, RELA merupakan sebuah Jabatan yang sangat dekat dengan rakyat melalui slogan Jabatan iaitu "*Dari Rakyat, Bersama Rakyat, Untuk Rakyat*". Sehubungan itu, keterampilan diri pegawai dan anggota RELA amatlah penting dalam memberikan imej yang kemas dan berkeyakinan apabila berhadapan dengan orang awam.

3. Justeru, dipanjangkan **Tatacara Menyimpan Janggut, Misai dan Jambang bagi Pegawai Tetap dan Anggota RELA** seperti di **Lampiran A** untuk rujukan dan tindakan tuan/ puan selanjutnya. Tatacara tersebut hendaklah diedarkan dan dipatuhi oleh seluruh warga RELA di semua peringkat pentadbiran Jabatan dan akan menjadi sebahagian daripada Garis Panduan Etika Pemakaian Pegawai Dan Anggota RELA.

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : RELA. 100-1/5/6 Jld. 7 (29)
Tarikh : 15 Februari 2023

4. Semoga dengan adanya tatacara ini dapat dijadikan rujukan agar seluruh warga RELA dapat bersama-sama membentuk keterampilan diri yang seragam.

5. Kerjasama dan tindakan lanjut tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK KPJR YAHYA BIN SULAIMAN)

s.k: TKP (P)
TKP (O)



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA

LAMPIRAN A

TATACARA MENYIMPAN JANGGUT, MISAI DAN JAMBANG BAGI PEGAWAI TETAP DAN ANGGOTA JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

1. JANGGUT

PANDANGAN DEPAN



DIBENARKAN

PANDANGAN SISI



DIBENARKAN

PANDANGAN DEPAN



DIBENARKAN

PANDANGAN SISI



DIBENARKAN

PANDANGAN DEPAN



TIDAK DIBENARKAN

PANDANGAN SISI



TIDAK DIBENARKAN

PANDANGAN DEPAN



TIDAK DIBENARKAN

PANDANGAN SISI



TIDAK DIBENARKAN

- 1.1 Hendaklah diandam kemas, bersih dan rapi;
- 1.2 Tidak dibenarkan mewarna janggut;
- 1.3 Tidak dibenarkan membentuk janggut mengikut *trend* atau fesyen semasa;
- 1.4 Panjang janggut hendaklah tidak melebihi satu (1) inchi dan tidak mencecah kolar atau butang baju;
- 1.5 Pegawai dan anggota muslim yang menyimpan janggut wajar menjaga peribadi dan jati diri menerusi penampilan zahirnya;

- 1.6 Pegawai dan anggota bukan muslim yang menyimpan janggut perlu menjaga kekemasan diri dan bukan sekadar mengikut *trend* terkini;
- 1.7 Penganut agama Sikh dibenarkan untuk menyimpan janggut mengikut kepercayaan agamanya dan sewajarnya berada dalam keadaan kemas dan rapi; dan
- 1.8 Tertakluk kepada arahan penganjur apabila melibatkan majlis atau program rasmi Jabatan, sama ada dicukur atau tidak bagi tujuan keseragaman pasukan.

2. MISAI



DIBENARKAN



TIDAK DIBENARKAN



TIDAK DIBENARKAN

- 2.1 Misai boleh disimpan bersekali dengan janggut namun pastikan kemas dan rapi; dan
- 2.2 Hendaklah diandam kemas, tidak melebihi dan menutup garis atas bibir.

3. JAMBANG



TIDAK DIBENARKAN



TIDAK DIBENARKAN

- 3.1 Tidak dibenarkan dan perlu dicukur bersih.